

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 MEI 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	NICE 2015	The Star
2.	Ahli kimia perlu cipta ubat tidak beri kesan sampingan	BERNAMA
3.	Baja organik pertama kawal batang sawit reput	Berita Harian
4.	GanoCare penawar penyakit reput pangkal batang kelapa sawit	KOSMO
5.	Buru ilmu, bawa kejayaan	Sinar Harian
6.	Malaysia ketiga di dunia paling kerap dipanah petir	Berita Harian
7.	SIRIM lantik pengerusi baharu	KOSMO
8.	Ahmad Tajuddin dilantik Pengerusi SIRIM	Utusan Malaysia
9.	Tan Sri Ir. Dr Ahmad Tajuddin Ali Pengerusi baharu SIRIM	BERNAMA
10.	Ahmad Tajuddin is new SIRIM Chairman	New Straits Times
11.	Strategise to realise hi-tech vision	The Star
12.	ITEX '15	The Star

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 20 MEI 2015 (RABU)

15
nice
NATIONAL INNOVATION
CONFERENCE AND EXHIBITION




mosti
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

**beyond
INNOVATION**

21 ▶ 23
MAY 2015

**KUALA LUMPUR
CONVENTION CENTRE
(KLCC)**

Join Us!



- ▶ CONFERENCE
- ▶ EXHIBITION
- ▶ BUSINESS MATCHING
- ▶ FUNDING CLINIC

YB Datuk Dr. Ewon Ebin
Minister of Science,
Technology and Innovation



Concurrent Events

ITEX 15
MALAYSIA
25th International Invention & Innovation Exhibition

**NATIONAL
INNOVATION
AWARD**

Sains & Inovasi
Pemacu Transformasi
DEKAD INOVASI 2010 - 2020



#NICEMOSTI2015

www.mosti.gov.my/nice2015



Ahli Kimia Perlu Cipta Ubat Tidak Beri Kesan Sampingan - Dewan Rakyat

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Ahli-ahli kimia tempatan digesa untuk mencipta lebih banyak ubat yang tidak memberi kesan sampingan dan berbahaya kepada kesihatan manusia.

Anggota Parlimen Noor Azmi Ghazali (BN-Bagan Serai) berkata lebih banyak kajian perlu dilakukan golongan profesional itu bagi menghasilkan ubat yang tidak menjejaskan kesihatan seperti yang berada di pasaran ketika ini.

"Ahli kimia tahu apa kesan ubat yang ada sekarang. Mereka perlu main peranan dan berfikir, selain buat kajian serta cipta ubat lain yang tidak memberi kesan sampingan," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Ahli Kimia (Pindaan 2015) di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Pindaan akta antara lain bertujuan memperluas fungsi Institut Kimia Malaysia termasuk memberi latihan kepada anggota dan bakal anggota baharu yang ingin mengamalkan profesion kimia di Malaysia.

Ia juga menyasarkan peningkatan peranan institusi itu dalam pembangunan industri dan profesion kimia di negara ini.

Noor Azmi dalam hujah beliau turut membangkitkan kerisauan mengenai penggunaan bahan kimia dalam bekalan air terawat yang dikhuatiri menimbulkan kesan kepada kesihatan masyarakat.

"Cubalah minum air terawat. Ada yang mengandungi bahan-bahan kimia berlebihan sampai kita boleh pening. Tidak mustahil juga ia mengandungi bahan kimia yang berbahaya," tambahnya.

Senada dengan Noor Azmi, G.Manivanan (PKR-Kapar) pula meminta ahli kimia memainkan peranan lebih proaktif dalam isu pencemaran sungai dan keracunan makanan.

Dr Che Rosli Che Mat (PAS-Hulu Langat) pula berharap pindaan kepada akta itu mampu meningkatkan peranan dan jumlah ahli kimia yang sedia ada di bawah Institut Kimia Malaysia dalam memberi sumbangan lebih besar bukan sahaja kepada bidang itu tetapi juga untuk kemajuan negara.

Menggulung perbahasan rang undang-undang itu, [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) berkata pindaan itu akan memperkukuh peranan dan profesionalisme ahli kimia tempatan.

"Ahli kimia kita sebenarnya telah diiktiraf dan menjadi rujukan di peringkat global atas kepakaran yang dimiliki termasuk bidang forensik dan analisis berkaitan kimia termasuk dalam kes-kes mahkamah," katanya.

Katanya pindaan akta itu diharap akan meningkatkan bilangan ahli kimia tempatan dan mengubah bidang kimia negara menjadi lebih menarik dan berdaya saing untuk kemajuan akan datang.

Rang Undang-undang itu kemudian diluluskan Dewan Rakyat.

-- BERNAMA

Baja organik pertama kawal batang sawit reput

» UPM, MPOB cipta sejarah selepas tujuh tahun laksana penyelidikan

Oleh Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mencipta sejarah apabila berjaya menghasilkan baja organik pertama di dunia yang mampu mengawal penyakit reput pangkal batang (BSR) pokok sawit.

Kejayaan mencipta GanoCare itu hasil penyelidikan tujuh tahun, diketuai Pegawai Penyelidik Jabatan Pengurusan Tanah Fakulti Pertanian UPM, Prof Dr Mohamed Hanafi Musa dan Ketua Unit Penyelidikan Ganoderma dan Penyakit Kelapa Sawit MPOB, Dr Idris Abu Seman.

Produk yang dihasilkan daripada serbuk tandan sawit kosong dan 'unsur bermanfaat' itu berbeza dengan baja organik sedia ada kerana mampu mencegah penyakit BSR berpunca daripada jangkitan kulat Ganoderma dengan membina ketahanan akar dan batang pokok, selain menggalakkan pertumbuhan serta meningkatkan hasil dan kesuburan tanah.

Idris berkata, serangan penya-



Abu Bakar (tiga dari kiri) bersama Mohd Fauzi (lima dari kanan) pada majlis pelancaran produk baja organik GanoCare di UPM, Serdang.

[FOTO SADDAM YUSOFF/BH]

kit itu meningkat dan semakin serius setiap tahun hingga menyebabkan kerugian besar kepada industri sawit negara, sekali gus mendorong penyelidikan berkenaan.

"Daripada kajian dan tinjauan kami di sebanyak 1.5 juta hektar ladang sawit seluruh negara pada tahun 2010, kira-kira 60,000 hektar atau 3.71 peratus terjejas diserang BSR yang membabitkan kerugian kira-kira RM1.5 bilion kepada pengusaha setiap tahun.

"Baja organik GanoCare mengurangkan kadar jangkitan kira-kira 70 peratus dengan memperkukuhkan akar dan batang

pokok, tempat kulat Ganoderma menyerang, selain digunakan pada tanaman di peringkat nurseri, menanam, pra matang dan matang.

Kurang beban pengusaha

"Produk ini juga mengurangkan beban pengusaha ladang yang perlu mengeluarkan sejumlah kos untuk menghapuskan pokok sawit rosak, serta lebih mudah digunakan berbanding baja sedia ada," katanya pada sidang media pelancaran produk GanoCare, di sini semalam.

Terdahulu, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTI), Datuk Dr Abu Ba-

kar Mohamad Diah melancarkan produknya serta menyerahkan dokumen persefahaman antara UPM, MPOB dan FELCRA Berhad.

Yang turut hadir, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan; Timbalan Ketua Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan MPOB, Dr Ahmad Khusairi Din dan Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad, Datuk Ramlee Abu Bakar.

Idris berkata GanoCare akan dikomersialkan oleh FELCRA Plantation Services Sdn Bhd (FPSSB) yang menyertai penyelidikan mereka tiga tahun lalu dan produk itu kini dalam proses mendapatkan hak paten di

”

Baja organik GanoCare mengurangkan kadar jangkitan kira-kira 70 peratus dengan memperkukuhkan akar dan batang pokok, tempat kulat Ganoderma menyerang

Idris Abu Seman,
Ketua Unit
Penyelidikan
Ganoderma
dan Penyakit
Kelapa Sawit
MPOB

luar negara.

Sementara itu, Pengurus Penasihat Agronomi FPSSB, Za'afar Mohd Dahlan, berkata pihaknya menasaskan keluaran kira-kira 5,000 tan metrik baja organik, tetapi akan meningkatkan pengeluaran bergantung pada permintaan.

"Produk ini memiliki potensi besar khususnya di Asia Tenggara berikutan penyakit BSR banyak menyerang ladang di kawasan ini dan menasaskan untuk menembusi pasaran di Indonesia tahun depan," katanya.

GanoCare penawar penyakit reput pangkal batang kelapa sawit

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memperkenalkan produk *GanoCare* bagi mengawal penyakit reput pangkal batang (BSR) pokok kelapa sawit disebabkan kulat *Ganoderma boninense*.

Penyelidik Jabatan Pengurusan Tanah UPM, Prof. Dr. Mohamed Hanafi Musa berkata, produk itu merupakan baja organik yang diformulasikan daripada serbuk tandan kosong buah kelapa sawit yang berupaya meningkatkan ketahanan sistem akar pokok tersebut.



KAKITANGAN UPM, Noorizajune Abu Bakar menunjukkan *GanoCare* selepas pelancaran produk itu di UPM, Serdang semalam.

"Kulat *Ganoderma* biasanya menyerang akar seterusnya merebak pada

pangkal batang yang mengakibatkan pengurangan penghasilan buah kelapa

sawit sehingga 45 peratus sebelum pokok itu mati," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran produk itu di UPM di sini semalam.

Majlis itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Menurut Mohamed Hanafi, *GanoCare* yang telah menjalani proses penyelidikan selama tujuh tahun sejak tahun 2008 itu bakal dikomersial dengan yuran perlesenan sebanyak RM30,000 dengan jumlah royalti tiga peratus daripada jualan kasar produk dibayar kepada UPM.

Buru ilmu, bawa kejayaan

Seawal pagi, kanak-kanak ini sudah bersiap ke Sekolah Kebangsaan (SK) Amar Penghulu, Jekebu, Negeri Sembilan. Berbekalkan 20 sen untuk tambang bas bagi perjalanan lebih 6km. Jika tiada duit belanja, beliau sanggup menapak ke sekolah.

Adakalanya beliau dan rakannya sengaja menunggu waktu sesuai 'terserempak' dengan ustaz dari Kuala Klawang yang menaiki skuter Lambretta untuk ditumpangkan ke sekolah. Dapatlah jimatkan duit. Apa yang penting adalah menimba ilmu demi masa hadapan.

Kesedaran pentingnya ilmu timbul apabila melihat kesusahan arwah ibunya, Yang Chek Nordin yang menyara ramai anak. Masih segar di ingatan kata-kata ibunya sewaktu beliau masih kecil: "Kamu hanya boleh mengubah kehidupan melalui pendidikan."

Ternyata, kata-kata azimat ibunya itu menjadi pembakar semangat bagi Datuk Dr Muhammad Lebai Juri, 59, yang kini menjadi Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia (ANM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti).

"Era 1960-an, Jekebu merupakan kawasan pedalaman. Jadi ramai berpindah ke Felda Labu dan Felda Sendayan untuk ubah kehidupan.

"Saya lihat inilah antara polisi kerajaan yang bagus dan efektif untuk rakyat apabila bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein menubuhkan Felda untuk faedah rakyat," ujar anak bongsu enam beradik ini.

Pada masa itu keluarganya tidak dapat ke felda kerana perlu ada ketua keluarga. Sedangkan ibu bapa Muhammad sudah berpisah sejak usianya dua bulan.

Jadi mereka teruskan kehidupan di kampung dengan mengerjakan sawah, menoreh getah, menganyam atap dan berkebun.

"Di tingkatan satu, saya memilih aliran Inggeris di SM Undang Jekebu, Kuala Kelawang dengan bayaran RM3 sebulan, yang dibantu tiga abang saya.

"Apabila mendapat biasiswa Kerajaan Persekutuan, RM30 sebulan di sekolah menengah, ini dapat meringankan beban keluarga. Di tingkatan empat, saya pilih aliran sains dan tak ramai pelajar Bumiputera dalam bidang tersebut."

TANGANI KEJUTAN BUDAYA

Selepas SPM, Muhammad mendapat tawaran biasiswa Mara untuk melanjutkan pelajaran A Level di Conventary Technical College, United Kingdom (UK) 1977.

Seterusnya beliau ke peringkat Ijazah Sains Biokimia Pertanian di University of Newcastle, UK (1980), kemudian Ijazah Sarjana Sains Makanan di University of Bristol, UK (1982), dan Ijazah Kedoktoran Mikrobiologi Radiasi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 1996.

"Saya tidak lupa jasa kerajaan yang membantu saya daripada zero. Apa pun ia juga memerlukan inisiatif sendiri untuk merebut peluang dan berjaya.

"Perlu ada disiplin diri. Dulu, balik sekolah, makan, tidur sekejap kemudian belajar hingga ke malam. Hujung minggu bantu emak. Tiada sesiapa pun yang suruh. Jika tak belajar, hidup jadi statik," ujar bapa enam anak ini.



Muhamad sebagai budak kampung datang ke UK mulanya turut mengalami kejutan budaya. Tapi beliau bersyukur kerana ada kumpulan pelajar Melayu senior membantunya untuk menyesuaikan diri dengan keadaan di sana.

"Apabila tinggal dalam komuniti yang kecil, ini menjadikan kita saling membantu. Kita juga perlu hidup berdikari dan pragmatik (bersifat praktikal) untuk kelangsungan hidup.

"Saya merupakan antara pengasas Persatuan Pelajar Malaysia di New Castle upon Tyne (1977 - 1980). Kita lebih



Sering berkongsi ilmu, kepakaran dan pengalaman dalam bidang teknologi nuklear.



Ilmu menjadi kunci kejayaan dan kebahagiaan keluarga Muhammad.

memfokuskan aktiviti komuniti. Saya juga aktif main bola sepak dan badminton.

"Sukan merupakan medium paling cepat, mudah dan murah untuk menambahkan kenalan di kolej dan universiti," ujar pasangan kepada Datin Nik Mariah Saadiah Wan Mahmud Sruji.

Muhamad yang pernah melalui kehidupan sukar, berpegang kepada prinsip *hardwork*, pragmatik dan *worksmart* untuk berjaya. Pengalaman bekerja di Korea dan Jepun, beliau mendapati penduduk di sana rajin dan boleh bekerja lebih masa. Ini menjadikan negara cepat maju.

Menurutnya, penyelidikan dan pembangunan dilakukan untuk semua kebaikan komuniti. Jika ramai

saintis dan teknologis boleh menghasilkan produk komersial, negara jadi maju.

"Sebenarnya ramai orang sedar teknologi nuklear, tapi ada NGO yang menentang dan ada juga salah persepsi. Inilah cabaran kami untuk tangani persepsi rakyat di negara ini.

"ANM sudah diwujudkan sejak 40 tahun lalu dan kini mempunyai 7,000 pelanggan di dalam dan luar negara. Selain menjalankan penyelidikan,

kami juga menjalankan aktiviti kemasyarakatan, khususnya golongan pelajar untuk mengenali lebih dekat teknologi nuklear.

"Adalah menjadi aspirasi ANM untuk meningkatkan bilangan penyelidik wanita daripada 20 peratus kepada 50 peratus," katanya yang meminati sukan golf.

SIFAT KEPIMPINAN

Sebagai peneraju ANM, Muhammad menekankan dari segi kepimpinanan dan ketekunan kalangan 900 staf termasuk 400 kalangan profesional saintis dan jurutera.

Jika mereka mampu menjadi pemimpin dalam bidang masing-masing dan memanfaatkan dana dengan menghasilkan produk komersial, ini secara langsung dapat meningkatkan imej agensi tersebut dan Mosti kepada rakyat.

"Integriti individu juga penting sebagaimana dituntut Islam dalam melaksanakan tanggungjawab.

Jika integriti, kredibiliti dan komitmen diabaikan, ini menyebabkan ada yang mendahulukan kebendaan, seterusnya hidup di luar kemampuan," ujar beliau yang mula berkhidmat di ANM sebagai pegawai penyelidik pada November 1981.

Beliau juga menyarankan kepada mahasiswa agar fokus dengan objektif belajar di universiti untuk mendapatkan ilmu, kemahiran dan ijazah. Jadi mereka perlu berusaha dan jangan hilang daripada landasannya.

"Aanya kelulusan akademik, ini memudahkan mereka berjuang untuk rakyat. Jika menyambung pengajian ke peringkat ijazah kedoktoran, digalakkan buat di universiti tempatan.

"Hasil penyelidikan melibatkan data tempatan yang relevan boleh diaplikasi terus mengikut keperluan negara. Ia juga dapat menjimatkan kos pengajian dan ilmu yang diperoleh boleh menjadi khazanah negara," katanya yang juga meminati bidang penulisan.

INFO

ANTARA SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN DATUK DR MUHAMAD LEBAI JURI DALAM AKTIVITI TEKNOLOGI NUKLEAR

- Pakar bidang pemprosesan radiasi menggunakan sinaran gama dan sumber elektron untuk pengawetan makanan dan sterilisasi barangan perubatan dan herba; Pakar bidang pengurusan sisa radioaktif semula jadi (NORM) dan yang diproses (TENORM) bagi projek ARE/Lynas/industri/kitaran bahan bakar nuklear.
- Terima Darjah Dato' Paduka Negeri Sembilan oleh DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan (2013); Johan Setia Mahkota oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong (2012); Anugerah Setia Mahkota (Negeri Sembilan) oleh DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan (2000); dan Anugerah Khidmat Cemerlang Jabatan (1997 dan 2001).

Malaysia ketiga di dunia paling kerap dipanah petir

» Pantai Barat Semenanjung antara lokasi catat bilangan kilat tertinggi

Oleh Mohamed Farid Noh dan Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Malaysia adalah negara ketiga di dunia paling kerap mengalami kejadian petir atau kilat, selepas Rwanda dan Congo, apabila Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) merekodkan secara purata ia berlaku 190 hari dalam setahun.

Pengarah Kajian Pusat Kecerlangan Perlindungan Kilat (CELP) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohd Zainal Abidin Ab Kadir, berkata kawasan Subang di Selangor, pernah mencatat kejadian petir tertinggi iaitu 362 hari sepanjang 1987.

"Keadaan ini, mengatasi Bogor, Indonesia yang dicatatkan dalam Guinness Book of World Records, dengan 322 hari penerimaan petir dalam setahun pada 1988.

"Apa yang membimbangkan, sebagai negara berstatus perindustrian dengan penerimaan petir sebanyak itu, ia meletakkan Malaysia pada kedudukan teratas dalam jumlah panahan dike-nali sebagai 'Mahkota Kilat' (Crown of Lightning)," katanya kepada BH ketika dihubungi, semalam.

Mohd Zainal Abidin berkata, berdasarkan kajian CELP, musim puncak kejadian

petir adalah di antara April hingga Jun dan September hingga November.

Katanya, ketika musim puncak, bilangan petir yang dicatat boleh mencecah sehingga berpuluh ribu sebulan di seluruh negara dan setakat ini, rekod yang dikumpulkan adalah konsisten.

"Pantai barat Semenanjung dikenal pasti antara lokasi mencatatkan bilangan kilat tertinggi berbanding kawasan lain.

"Ia disumbang kedudukan geografi kawasan itu, yang terletak berhampiran Selat Melaka, selain dikelilingi banyak banjaran," katanya.

Beliau berkata, panahan petir bukan saja boleh menyebabkan

kematian, tetapi merugikan harta benda.

Sebagai contoh, katanya, pada April 2006, PETRONAS kerugian kira-kira RM100 juta apabila dua tangki minyak dan sebuah tangki gas asli miliknya meletup dan terbakar akibat panahan petir di depot minyak di kawasan perindustrian Pasir Gudang, Johor.

Sebabkan kemusnahan

"Kejadian ini adalah contoh bagaimana petir menyebabkan kemusnahan dan kerugian secara langsung kepada syarikat dan negara.

"Selain itu, panahan petir juga boleh menyebabkan bekalan elektrik terputus, seterusnya per-

niagaan kerugian sehingga berjuta ringgit," katanya.

Dianggarkan, setiap tahun katanya negara mengalami kerugian kira-kira RM100 juta akibat panahan petir ini.

Ketika hujan lebat dan petir, perkara penting perlu diketahui bagi melindungi diri daripada disambar kilat.

• Tiada satu tempat di luar yang selamat jika ribut petir berlaku di kawasan berkenaan.

• Jika mendengar guruh di langit, ketahuilah kilat atau petir adalah cukup dekat untuk menyambar anda.

• Apabila mendengar guruh, segera beralih ke tempat perlindungan lebih selamat.

• Contoh tempat berlindung yang selamat adalah bangunan besar atau di dalam kenderaan bertutup dan berbumbung besi (metal-topped).

• Tunggu di tempat perlindungan selamat itu sekurang-kurangnya 30 minit selepas anda mendengar guruh terakhir.

Tip keselamatan ketika berada di dalam bangunan

• Jauhi kabel telefon, komputer dan peralatan elektrik lain yang akan meletakkan anda dalam hubungan secara langsung dengan elektrik.

• Jauhi paip tembaga atau besi, termasuk sinki, tab mandi dan kepala paip.

• Jauhi tingkap dan pintu atau berehat di luar anjung.

• Jangan berbaring di atas lantai konkrit atau bersandar pada dinding konkrit.

Jika terperangkap di luar, langkah boleh mengurangkan risiko dipanah petir.

• Segera turun dari kawasan tinggi seperti bukit, rabung atau puncak gunung

• Jangan berbaring di atas tanah.

• Jangan menggunakan pokok sebagai tempat berlindung

• Jangan menggunakan tebing atau kawasan berbatu untuk berlindung

• Segera keluar dan jauhi kolam, tasik dan takungan air.

• Jauhi objek yang boleh mengalirkan elektrik (pagar kawat berduri, talian elektrik atau telefon dan lain-lain.)

• Abaikan yang diberikan ini, jika ada bangunan atau kenderaan berdekatan.

Jika seseorang dipanah petir


• Jangan bimbang, mangsa tidak membawa sebarang cas elektrik, malahan mangsa mungkin memerlukan perubatan dan perhatian segera.

• Awasi keadaan mangsa dan mulakan CPR, jika perlu.

• Hubungi talian 999 untuk bantuan.


INFO

Kekerapan kejadian petir mengikut lokasi di Semenanjung sepanjang tahun lalu



() = jumlah hari berlaku kejadian petir

SUMBER oleh CELP



**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 52
TARIKH: 20 MEI 2015 (RABU)**

SIRIM Iantik Pengerusi baharu

KUALA LUMPUR – SIRIM Bhd. (SIRIM)

mengumumkan pelantikan Tan Sri Ir. Dr Ahmad Tajuddin Ali sebagai Pengerusi baharunya berkuat kuasa hari ini.

Menurut SIRIM, beliau menggantikan Datuk Jamaliah Kamis yang tamat perkhidmatan semalam.

"Pelantikan itu adalah untuk tempoh tiga tahun dan dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak selaku Menteri Kewangan baru-baru ini," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

SIRIM berkata, Ahmad Tajuddin, pernah meneraju SIRIM dari tahun 1989 hingga 1996 sebagai Ketua Pengarah ketika ia masih dikenali sebagai Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia.

Jelasnya, anak kelahiran Tambun Tulang, Perlis itu berkelulusan doktor falsafah dalam bidang kejuruteraan nuklear dari Queen Mary College, University of London pada tahun 1977. – Bernama

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)

Ahmad Tajuddin dilantik Pengerusi SIRIM

KUALA LUMPUR 19 Mei - Pengerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali (**gambar**) dilantik sebagai **Pengerusi SIRIM Berhad (SIRIM)** yang baharu berkuatkuasa esok.

SIRIM dalam satu kenyataan berkata, pelantikan bagi tempoh tiga tahun itu, dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak selaku Menteri Kewangan melalui sepucuk surat baru-baru ini bagi menggantikan Datuk Jamaliah Kamis yang tamat perkhidmatannya hari ini.

Menurutnya, dalam surat pelantikan tersebut, Perdana Menteri

berharap Ahmad Tajuddin memainkan peranan penting untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian SIRIM ke tahap yang lebih cemerlang.

"Beliau sebelum ini pernah menerajui SIRIM dari tahun 1989 hingga 1996 sebagai Ketua Pengarah organisasi yang pada masa itu dikenali sebagai Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia.

"Beliau merupakan anak kelahiran Tambun Tulang, Perlis yang



mempunyai kelulusan Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Nuklear daripada Quenn Mary College, University of London pada tahun 1977 dan turut memperoleh Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Kelas Pertama) serta Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) daripada King's College, University of London," katanya di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu, Ahmad Tajuddin sebelum ini turut me-

nyandang beberapa jawatan penting dalam kerajaan dan sektor swasta.

Katanya, antara jawatan yang disandang oleh beliau adalah Pengerusi UEM Group Berhad bermula pada April 2007 sehingga kini dan Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB) bermula September 1996 sehingga Ogos 2000.

"Selain itu, beliau juga merupakan Felo Yayasan Akademik Sains Malaysia, Felo Institut Kejuruteraan Malaysia, Felo Organisasi Kejuruteraan Persekutuan ASEAN serta menduduki kerusi Lembaga Amanah Yayasan Khazanah, Yayasan UEM dan Yayasan Anugerah Sains Mahathir," katanya.



Tan Sri Ir. Dr. Ahmad Tajuddin Ali Pengerusi Baharu Sirim

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- [Tan Sri Ir. Dr Ahmad Tajuddin Ali dilantik sebagai Pengerusi baharu SIRIM Bhd berkuat kuasa 20 Mei 2015](#), menggantikan Datuk Jamaliah Kamis yang tamat tempoh perkhidmatan hari ini.

Pelantikan itu adalah untuk tiga tahun dan dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak selaku Menteri Kewangan baru-baru ini, kata SIRIM dalam satu kenyataan hari ini.

Ahmad Tajuddin, 67, pernah meneraju SIRIM dari 1989 hingga 1996 sebagai ketua pengarah organisasi yang pada masa itu dikenali sebagai Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia.

Anak kelahiran Tambun Tulang, Perlis itu berkelulusan doktor falsafah dalam bidang kejuruteraan nuklear daripada Queen Mary College, University of London pada 1977.

-- BERNAMA

Ahmad Tajuddin is new Sirim chairman

KUALA LUMPUR: Sirim Bhd has appointed Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali as its new chairman effective today, replacing Datuk Jamaliah Kamis whose term expired yesterday.

The three-year appointment was made by Prime Minister Datuk Seri Najib Razak as the finance minister through a letter of

appointment recently, said Sirim in a press statement yesterday.

Prior to this appointment, Ahmad Tajuddin had helmed Sirim from 1989 to 1996 as its director-general.

The organisation was then known as Standards and Industrial Research Institute of Malaysia.

Bernama

Strategise to realise hi-tech vision

THE Industrial Master Plans (IMP) have been instrumental in guiding the country's industrialisation programmes. We are now in Industrial Master Plan Three. IMP2 attempted to move the industrial sector away from the lower value assembly manufacturing.

Appropriately tagged "Manufacturing Plus-Plus", IMP2 should have injected higher value design and branding in manufacturing. This did not fully materialise, however, and today, the majority of manufacturing is in the lower value assembly operations.

In the hi-tech business of aerospace, we are just doing assembly work. The design comes from elsewhere. It is the same in the solar business.

How can this change? How do we capture the higher value that design and branding offer?

This is where investments in hi-tech research and technology (R&D) can make the difference. In aerospace, for example, we need to build up the capacity through

research to design new materials. The search now is for light but strong materials which are very much sought after in the sector.

Over the years, very little of the nation's R&D has been devoted to such frontier research. In fact, a scan of research projects approved for funding show they are mostly repeats of research done elsewhere.

In the case of applied research, many do not address the needs of the market place. It is therefore no wonder that research commercialisation has been at a low level.

Many have called for further strengthening and coordination of the nation's R&D.

As we strive to increase our per capita income, R&D in hi-tech will have to be given higher priority.

It is not that we have not ventured into hi-tech R&D before. We have, for example, Mimos, Sirim and the research universities. But coordination among the research players is still lacking.

We need to chart clearer directions for any research area. We need more collaboration among institu-

We need to chart clearer directions for any research area. We need a kind of national strategic plan on hi-tech research.

tions. We need a kind of national strategic plan on hi-tech research.

And we need better coordination of resources and talent. Investment in hi-tech R&D does not come cheap. The equipment needed are expensive, including the relevant laboratory facilities and support infrastructure.

Take nanotechnology as an example. We are not short of world calibre scientists in nanotechnology. But most are not clear on the national directions, including the research priorities, in this very broad topic.

We cannot be doing everything and in the end achieving nothing.

The same is true with biotechnology.

Now, new hi-tech topics have emerged in the microelectronics area. The story is the same. We should have learned from our earlier dealings in photonics research.

Photonics was one area in which we put a lot of effort in the earlier years. In fact, according to one lead researcher in photonics, we went into the subject earlier than China's Huawei.

Unfortunately, we did not have the guiding blueprint. We actually did not have a clear end-game.

Things would have been different if we had better coordination among the many stakeholders, including the telecommunication companies. China did the opposite.

The fact that Huawei is now among the global leaders in the photonics business speaks volumes about what they have done right.

We need to learn from some of their experiences in building a new growth sector.

As is done in countries like China, Taiwan and South Korea, just to

name a few, we need to create a strong coordinated network of hi-tech R&D centres.

In both China and Taiwan, such R&D networks are put under the custody of their national Academies of Sciences.

In Malaysia, we have our own Academy of Sciences whose Fellows are almost the Who's Who of the nation's scientific fraternity.

Since Fellows of the Academy come from all the key R&D institutions in the country, the issue of institutional rivalry which is common does not arise.

As has been demonstrated in China and Taiwan and many other countries, the Academy of Sciences is the best option to host such a network.

This network will be more effective in partnering industry to bring back the aspirations of IMP2. Then our hi-tech dream will be a reality.

DR AHMAD IBRAHIM
UM Adjunct Professor,
Fellow, Academy of Sciences
Malaysia

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NEWS) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)

Opens Tomorrow

ITEX **'15**
MALAYSIA

26th International Invention
& Innovation Exhibition

**ASIA'S LEADING
INVENTION EXHIBITION!**

**21 > 23 KUALA LUMPUR
MAY 2015 CONVENTION
CENTRE**

CO-LOCATED WITH

**15
NICE**
NATIONAL INNOVATION
CONFERENCE AND EXHIBITION

CONCURRENT EXHIBITIONS

AYIE
ASIAN YOUNG INVENTORS
EXHIBITION 2015

**MY
IE**

MALAYSIAN YOUNG
INVENTORS EXHIBITION 2015

Scan here or log in to
www.itex.com.my
for more exhibition highlight

Admission is free and visitors must be properly
attired. The Organiser reserves the right to deny
entry, accordingly.



| Organised By



| Managed By



| Official Event Of



| Endorsed By



| Patron



| Supported By



| Official Magazine

